



Anwar berucap pada Majlis Himpunan 24,000 Huffaz di Masjid Wilayah Persekutuan, malam kelmarin.

(Foto BERNAMA)

Huffaz perlu kuasai ilmu Islam sebenar

Anwar mahu pelajar tahfiz sampai mesej jelas mengenai agama elak Islamofobia

Oleh Suzalina Halid
suzalina@bh.com.my

Kuala Lumpur: Negara berada dalam keadaan 'simpang siur' apabila berhadapan dengan dua golongan iaitu yang percaya Islamofobia dan golongan 'assabiyah' yang membawa Islam dengan kebencian.

Mengakui ia sebagai cabaran menghadapi kelompok itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata atas dasar itu, pelajar huffaz al-Quran di negara ini perlu menguasai ilmu Islam sebenarnya bagi menyelamatkan negara dan menyampaikan mesej jelas mengenai agama.

"Negara ini dalam simpang siur, di satu pihak, sebaik sahaja sebut Islam terus melenting, bila saya sebut JAKIM (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia) harus menasihati kerajaan dalam semua bidang, ada yang melenting bahawa ada usaha menghasut dalam program Islam.

"Mana salahnya, bukan suruh buat zalim, kita suruh tegakkan keadilan, kita faham hak bukan Islam dan hormati mereka.

"Jangan bawa pandangan Barat Islamofobia, apabila sebut Islam (mereka samakan) macam ISIS dan Al-Qaeda," katanya ketika berucap pada Majlis Himpunan 24,000 Huffaz di Masjid Wilayah Persekutuan, malam kelmarin.

Hadir sama Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad

Zahid Hamidi; Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Dr Mohd Na'im Mokhtar; Ketua Polis Negara, Tan Sri Razarudin Husain dan Setiausaha Agung UMNO, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki.

Bidas pihak 'assabiyah'

Pada majlis yang dianjurkan Gabungan Persatuan Institusi Tahfiz Al-Quran Kebangsaan (PINTA Kebangsaan), pejabat Timbalan Perdana Menteri dan JAKIM dengan kerjasama Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara itu, turut diadakan ialah bacaan al-Quran beramai-ramai, penganugerahan huffaz cemerlang dan ceramah perdana.

Pada masa sama, Perdana Men-

teri turut membidas pihak 'assabiyah' yang sentiasa melihat kerajaan adalah jahat dan zalim.

Beliau mempersoalkan sama ada wujudnya program peningkatan mutu Islam melalui Kementerian Pendidikan (KPM) dan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) ketika pentadbiran golongan 'assabiyah' itu.

Beliau menegaskan beberapa kebaikan dilakukan kerajaan termasuk menghalang terus syarikat yang ada kaitan langsung dengan Israel berdagang di Malaysia.

Katanya, menjadi hasrat kerajaan untuk meningkatkan taraf huffaz di negara ini melalui TVET supaya mereka tidak ketinggalan dalam landas ekonomi dan pekerjaan.